

 Search Newspapers

Browse Newspapers

I am looking for



Advanced Search ▾

Home > Berita Harian > 20 April 1963 > Page 7 > DRAMA MELAYU MELALUI TELIVISHEN

DRAMA MELAYU MELALUI TELIVISHEN

Berita Harian, 20 April 1963, Page 7

 Article also available on Microfilm Reel NL3201 Add to Citation Previous ArticleNext Article  Previous PageNext Page 

DRAMA MELAYU MELALUI TELIVISHEN

Tujuan-nya: Hendak membongkar bakat2 baru dan membuka lebeh luas lagi selera masharakat

 Oleh

SULAIMAN JEEM

SATU perengkat baharu untuk kemajuan yang lebeh besar lagi bagi badan2 drama Melayu di-Singapura ini telah terdedah, bila Telivishen Singapura memulakan ranchangan drama-nya pada bulan May depan.

Ranchangan tersebut tidak sahaja di-usahakan untuk mendorongkan kemajuan lebeh besar lagi bagi badan2 drama tadi, tetapi juga akan memberikan nafas baharu bagi mereka untuk hidup lebeh segar dan lebeh kuat.

Ranchangan Telivishen

Singapura hendak mengorak langkah ini, mempertunjokan drama pentas melalui siaran-nya itu, telah di-huraikan oleh Inche Zain Mahmud, pegawai kanan-nya dan sa-orang yang bertanggong-jawab untuk siaran itu.

Berkelulusan

Information ^



Newspaper:
Berita Harian

Date:
20 April 1963

Reel Number:
NL3201

Share     

Table of Contents ^

< Previous | **Page 7** | Next >

SAYA TA' SUKA BERLAKON DLM FILEM ARAHAN SUAMI SAYA, KATA-NYA

SAYA TA' SUKA BERLAKON DLM FILEM ARAHAN SUAMI SAYA, KATA-NYA Seniwiati [lcmah lernbut]

Mustaffa, Suraya bakal kahwin?

Mustaffa, Suraya bakal kahwin? -l'A gadis yang telah umaja menanti2 hari- intok memasuki jenpelamin yang

DRAMA MELAYU MELALUI TELIVISHEN

DRAMA MELAYU MELALUI TELIVISHEN Tujuan-nya: Hendak membongkar bakat2 baru dan membuka lebeh

View Full Table of Contents >

Inche Zain Mahmud, ialah salah sa-orang anak Melayu yang mempunyai diploma dari Amerika Sharikat dalam ilmu Telivishen.

Beliau telah menjalani kursus telivishen sa-chara peraktik di-seluroh negeri di-Amerika Sharikat sa-lama empat bulan pada ta-hun lalu.

Dalam pertemuan-nya dengan saya untok mene-rangkan lebeh jauh ten-tang maksud-nya hendak

mengadakan siaran drama di-Telivishen Singapura itu Inche Zain berkata:

“Dua tujuan besar ter-simpul dalam ranchangan hendak mengadakan per-tunjukan drama melalui siaran Telivishen Singapu-ra:

Pertama: “Hendak mem-bongkar dan membangkit-kan lebeh banyak lagi ba-kat2 pelakon dalam mashar-akat yang sa-lama ini ha-nya terbenam.”

Ka-dua: untok membuka lebeh luas lagi “selera” masharakat Melayu kapada pementasan2 drama, lebeh dari masa2 lalu yang de-ngan-nya akan menempat-kan kedudukan drama pen-tas Melayu di-sini lebeh tinggi lagi masa depan.

Tidak luas

Dalam mengulas ka-dua2 tujuan tadi Inche Zain Mahmud yang telah men-dapat kelulusan dalam pe-ngajian-nya di-Universiti Malaya (sekarang Univer-siti Singapura) sa-lama tiga tahun, menjelaskan:

“Sa-lama ini walau pun badan2 drama di-sini sa-perti Sriwana dan Perkum-pulan Seni telah dapat me-nonjolkan beberapa orang ‘bakat baharu’ dalam la-pangan tersebut, tetapi penonjolan2 tadi tidak ba-gitu luas — tidak men-jangkau ka-daerah2 dan sendi2 masharakat-nya de-ngan lebeh menjamin.

“Maka dengan usaha

yang akan di-lancharkan oleh siaran Telivishen ini, di-harapkan ia banyak lagi akan dapat membongkar bakat2 tersebut, sa-hingga dengan-nya akan menyemarakkan alam drama pentas Melayu lebih se-gar lagi.

"Pelakon2 tadi sa-lain akan dapat mempertajam bakat2 mereka melalui usaha2 tadi, akan juga mendapat 'popularity' dengan bayaran2-nya yang lebih banyak baik-nya dari yang pernah mereka peroleh melalui jabatan Radio Singapura.

"Dalam hubungan ini ti-dak-lah berarti bahawa la-pangan drama Melayu itu hendak di-perniagakan oleh siaran Telivishen Si-ngapura. Chuma bayaran tadi akan lebih menggalak-kan mereka berusaha untuk memperkembangkan dra-ma.

Mengenai tujuan ka-dua tadi, Inche Zain menghu-raikan:

"Dalam bidang profilem-an Melayu sejak beberapa waktu lalu masharakat ki-ta hanya dapat meni'mati-nya dengan 'satu rasa' atau 'chorak' lakunan sahaja.

"Kalau filem dari Ca-thay-Keris atau pun Jalan Ampas, umpama-nya, ma-ka kita akan meni'mati lakunan dari pelakun2 per-usahaan filem tadi sa-cha-ra statik tanpa perubahan.

Pengolahan2

"Demikian dengan peng-olahan2 cherita-nya. Agak sukar atau boleh di-kata-kan tidak pernah kita me-nyaksikan cherita2 filem-nya yang benar2 dapat menggirangkan semua pe-rengkat, atau dapat di-te-rima oleh semua pehak sa-bagai sa-buah cherita-nya yang benar2 bernilai.

"Berdasarkan pengala-man2 lalu, maka cherita2 filem Melayu kebanyakan-nya berkisar pada perso-

alan chinta melulu, yang di-kaitkan dengan kesah2 dongeng lama, atau cherita sejarah yang menyangkut pula dengan perkara2 yang menjadi kemegahan zaman purba.

“Bagaimana pun, hal2 tersebut di-usahakan ia-lah untuk mengejar ‘box-office’-nya, atau konon kerana hendak memenuhi selera penonton2-nya”.

Dalam hubungan ini, beliau menerangkan, lapangan drama atau bidang perfileman “sangat luas”. Kalau pehak2 filem Melayu merasa ‘bimbang’ untuk mengemukakan cherita2 yang benar2 sasuai dengan selera masharakat, maka Telivishen Singapura, akan sanggup melakukan-nya melalui siaran drama-nya.

Di-persempit

Mengenai dengan pelakon2 filem-nya, oleh Inche Zain telah di-terangkan, meskipun sa-tahu-nya banyak pelakon2 yang mempunyai bakat lakonan-nya, “tetapi sayangnya mereka telah di-persempit”. “Sempit” yang di-maksudkan oleh beliau ia-lah pelakon2 fiem yang di-pilih berlakon itu hanya pelakon2 ‘yang baik’ dengan pengarah-nya: mereka di-serahkan peranan penting, di-julang di-puji sa-tinggi langit meskipun hal itu sa-balek-nya dari lakonan2 yang mereka punyai.

Maka kerana itu-lah ‘muka2 itu’ sahaja yang dapat di-saksikan oleh pe-minat2 filem Melayu dari perusahaan-nya sejak beberapa waktu lalu hingga sekarang.

Dengan usaha2 ini di-harapkan dapat pehak Telivishen Singapura merintis lapangan drama Melayu yang baharu, yang lebih luas lagi dan dapat menenggelamkan “rasa sang-

si” masharakat Melayu

terhadap perkembangan perfilman-nya masa depan.

Apa-kah usaha ini tidak melemahkan usaha badan2 drama Melayu: mereka tidak mahu menonton se-gala pementasan-nya hanya akan menimati usaha badan2 tadi melalui peti telivishen-nya?

Menjawab pertanyaan ini, Inche Zain menerangkan 'memang melemahkan' jika di-tinjau sa-imbas lalu. Hal ini telah disedari dahulu, dari sa-be-lum siaran drama di-telivishen ini di-ranchangkan.

Tetapi supaya hal tersebut dapat di-atasi, tambah-nya, pehak Telivishen Singapura telah berkesanggupan untuk membayar peruntukan wang "yang di-perlukan" kepada badan2 yang mengusahakan pementasan drama, kalau pementasan-nya hendak di-siarkan dalam telivishen.

Naskah2 drama

Menurut-nya juga bahawa naskah drama untuk telivishen, lain dari naskah2 drama pentas atau pun naskah filem. Maka kerana itu sa-bagai chontoh, untuk langkah permulaan kapada badan2 drama yang ingin menghantarkan naskah mereka, sa-buah cherita bernama "DAMAK" karya al-marhum H.M. Rohaizad akan di-telivishenkan pada awal bulan May ini.

Dengan menonton drama itu, di-harapkan ba-dan2 drama yang ingin mengirimkan drama-nya untuk siaran telivishen dapat mengikuti dan menchontoh teknik dan chara penulis-nya.

Inche Zain kemudian menyeru kepada penulis2 drama sa-tempat atau pun dari Persekutuan, sama ada sa-chara persa-orang-

an atau mewakili badan2 mereka, supaya mengirimkan naskah2 mereka untuk tujuan tersebut.

Untuk meyakinkan badan2 drama tadi terhadap usaha baharu-nya itu, supaya tidak 'di-salah artikan' beliau telah mengistiharkan diri-nya menjadi anggota perkumpulan Sriwana sejak beberapa bulan lalu.

Akhirnya beliau menyatakan: perengkat baharu untuk kemajuan yang lebih besar bagi perkembangan drama pentas Melayu di-Singapura sekarang telah terdedah luas. Semoga badan2 yang berkepentingan dapat merebut-nya sa-baik2-nya dengan penoh kesedaran dan tanggong - jawab!



ZAIN MAHMUD



Satu adegan filem: Nasib si-Labu Labi, yang di-pertandingkan dalam Pesta Filem Asia di-Tokyo.

Related Articles

No related article found.





Vulnerability [Feedback](#) Terms of Use Linking Disclaimer Privacy Statement Takedown Policy Browser Compatibility

Contact Us Feedback FAQ

©2021 Government of Singapore
Last Updated 29 Oct 2019